Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 7 April, 2024 2:40 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: YAYASAN MOHD KHAIRI KONGSI REZEKI RAMADAN

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

7 APRIL 2024 / 27 RAMADAN 1445H
==========

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

YAYASAN MOHD KHAIRI KONGSI REZEKI RAMADAN



UUM ONLINE: Yayasan Mohd Khairi berkongsi rezeki bersama insan yang kurang bernasib baik di bulan Ramadan yang mulia sekali gus memberi kegembiraan dengan menjelangnya Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Mereka terdiri daripada 45 pelajar dari Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Kemara, Changlun dan Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun serta sembilan anak-anak dari Rumah Kebajikan Anak Yatim UUM.

Pengerusi, Yayasan Mohd Khairi, Dato' Seri Mohd Khairi Dato' Mat Jahya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yang diraikan pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Yayasan Mohd Khairi, di Masjid Sultan Badlishah, UUM.

Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan berkata, dalam suasana yang agak mencabar, kos sara hidup merupakan satu agenda utama yang sering dibicarakan yang memberikan kesan mendalam, khususnya bagi ibu bapa yang menanggung saraan anak di alam persekolahan dan pusat pengajian tinggi.



Dalam konteks ini, di peringkat UUM, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mendapatkan sumbangan dan bantuan bagi meringankan kos kehidupan ke atas pelajar di kampus ini.

“Alhamdulillah, kita sering juga menerima sumbangan daripada badan korporat dan agensi yang terpanggil untuk membantu anak-anak yang mengikuti pengajian di UUM ini.

“Kita di UUM ini amat bersyukur kerana Dato’ Seri sudi untuk menyampaikan sumbangan kepada anak-anak. Sifat dermawan sebegini merupakan sesuatu yang luar biasa, yang bukan sahaja menyentuh hati tetapi menyentuh kehidupan ramai dalam komuniti UUM dan persekitarannya.



“Semestinya sumbangan ini bukan sahaja sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial, malah lebih dari itu kerana ianya merupakan sebahagian daripada amalan suci yang disarankan oleh Baginda Rasulullah SAW sepertimana di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (RA):

> Sedekah sama sekali tidak mengurangi kekayaan. Dan hamba yang mengampuni (orang lain), Allah menambahkan kehormatannya, dan orang yang merendah hati, Allah mengangkat kedudukannya.”



Menurutnya, pertemuan ini menjadi titik tolak bermulanya satu jalinan kerjasama strategik ke arah membangunkan dan memajukan komuniti khususnya di Kedah dan Perlis, melalui kepakaran UUM bagi bergandingan bersama Yayasan Mohd Khairi untuk melonjakkan masyarakat Islam di utara tanah air ini sebagai antara golongan yang mampu menggerakkan ekonomi komuniti yang kukuh pada masa hadapan.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Seri Mohd Khairi di atas kemurahan hati dan komitmen di dalam menyantuni kebajikan anak-anak lebih-lebih lagi menambahkan kegembiraan dalam menyambut Aildilfitri.

UUM Official uum.edu.my Universiti Utara Malaysia (Official FB) uumofficial
UUM TODAY UUM Today UUMToday UUMtoday
Contact Us: ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.